

Perkasa kebebasan secara beradab

Insiden pijak gambar pemimpin mengikis nilai budaya masyarakat



Oleh

**Noor Mohamad
Shakil Hameed**

INSIDEN memijak gambar pemimpin baru-baru ini seolah-olah memberikan gambaran cukup merisaukan khalayak, apakah ini cerminan kepada amalan demokrasi dan kebebasan yang ada di negara kita.

Ini kerana sebagai sebuah negara demokrasi berparlimen selama ini, kita menyanjung tinggi ciri-ciri kebebasan baik dari segi tindakan mahupun kebebasan bersuara seperti yang terkandung dalam undang-undang negara kita.

Perlembagaan Malaysia dengan jelas memperincikan hak dan kebebasan setiap warga misalnya dari segi kebebasan diri (Perkara 5), kesamarataan (Perkara 8), kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan (Perkara 10) serta kebebasan beragama (Perkara 11).

Ringkasnya rakyat diberikan hak sewajarnya dalam setiap perkara berlandaskan undang-undang tertinggi negara itu. Walaupun amalan dan pemahamannya agak berbeza dan ada kalanya menimbulkan pertikaian, namun hakikatnya itulah yang digariskan dalam undang-undang.

Mutakhir ini kita dapat lihat tindak tanduk segelintir rakyat kita yang cuba untuk mengeksploitasi dan menyalahgunakan hak diberikan dalam undang-undang untuk tujuan dan kepentingan peribadi sehingga boleh me-



AMAN...masyarakat majmuk di Malaysia yang bersatu padu dijadikan contoh negara luar.

nimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan masyarakat.

Penulis tidak bercadang mengupas isu ini dari perspektif politik kerana sudah terlalu ramai pakar mahupun golongan sarjana memberikan maklum balas, panda-

ngan mahupun komen yang lebih terperinci.

Justeru, penulis lebih berminat untuk mengupas dari aspek hubung kait antara kebebasan berkenaan dengan amalan nilai murni serta peradaban rakyat kita sebagai

masyarakat Timur.

Rakyat kita sering kali digambarkan sebagai masyarakat yang cukup kuat berpegang teguh kepada amalan dan nilai murni sejak turun temurun, antaranya budaya tolong menolong, bekerjasama,

ma, bersatu padu serta menghormati orang lain baik sesama rakan, orang lebih tua mahupun pemimpin yang menjadi antara pegangan dan ajaran diperturunkan oleh nenek moyang kita.

Generasi dahulu bukan saja mengamalkan nilai murni ini, malah mereka menghayatinya sepenuh jiwa dan raga sehingga mampu melahirkan sebuah masyarakat bersatu padu dan saling hormat menghormati di antara satu sama lain. Sikap dan amalan mulia inilah juga menjadikan kita sebagai sebuah masyarakat Timur cukup dikagumi dan dihormati oleh masyarakat dunia.

Malah, kita sering dijadikan sebagai rujukan dan contoh teladan sebagai sebuah masyarakat majmuk bersatu padu dan hidup aman dan damai. Bagaimanapun, mutakhir ini pelbagai insiden yang berlaku menggambarkan seolah-olah budaya, nilai dan amalan murni tersebut semakin terhakis dan mula dilupakan segelintir generasi sekarang.

Tindakan seperti menghina pemimpin, tidak menghormati bendera sendiri, tidak sensitif dan peka dengan isu agama dan bangsa yang menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat cukup berleluasa dan mula merisaukan semua pihak.

Alasan diguna pakai oleh kumpulan ini ialah mereka bebas untuk melakukan apa saja berlandaskan hak kebebasan diberikan oleh undang-undang negara. Persoalannya apakah ini kebebasan dan hak asasi yang hendak kita junjung?

Kenapa hak dan kebebasan diberikan perlu disalah guna sehingga menimbulkan kekecohan dan kekalutan dalam masyarakat? Kenapa perlu mencabar undang-undang negara sendiri? Apakah kebebasan undang-undang menghalalkan semua benda? Bukankah lebih elok dan bermanfaat andai kebebasan yang diberikan ini digunakan sepenuhnya untuk kita terus memperkukuh dan memperkasakan amalan demokrasi dan nilai murni dalam kalangan masyarakat yang berbilang agama, budaya dan bangsa.

Hal ini perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak ke-

ana tatkala kita begitu leka meraikan serta menjunjung prinsip demokrasi dan kebebasan, kita khuatir ia mula melahirkan generasi dan masyarakat yang semakin biadab, ego, sombong, kurang ajar dan sudah tidak kenal lagi erti kesopanan dan kesusilaan. Ternyata elemen kesopanan dan kesusilaan yang menjadi satu komponen teras Rukun Negara kita semakin dilupakan dan segelintir generasi hari ini dilihat gagal bukan saja mengamalkannya, tetapi juga menghayati semangat dan rohnya.

Kita khuatir jika keadaan ini berlarutan ia akan melahirkan sebuah masyarakat tidak beradab dan tidak menghormati orang lain. Akhirnya akan menimbulkan ketegangan serta perselisihan sesama kita sehingga boleh menghancurkan perpaduan, keamanan, keselamatan dan kestabilan yang kita pelihara, pertahan dan banggakan selama ini.

Sudah tiba masanya untuk kerajaan dan juga masyarakat menilai semula hak dan kebebasan yang kita miliki sekarang. Semua pihak perlu sedar bahawa kebebasan ada had dan batasnya.

Kita menyanjung tinggi hak asasi dan kesamarataan, namun tidak boleh sama sekali membiarkan hak tersebut meragut perpaduan dan keamanan yang ada. Apa guna kita bebas andai rakyat tidak beretika dan beradab? Apa guna memperjuangkan hak asasi andai perpaduan kaum serta keselamatan dan keamanan terpaksa dikompromi?

Tiada gunanya kita memperhebatkan kempen budi bahasa andai generasi hari ini gagal memahami dan menzahirkan hasrat sebenar kebebasan dan hak asasi yang disediakan.

Hayatilah roh dan semangat Rukun Negara serta Perlembagaan Negara agar kita dapat terus melahirkan sebuah masyarakat yang bukan saja maju dari segi fizikal dan kebendaan, tetapi kita juga maju dari segi amalan nilai murni seperti kesopanan dan kesusilaan serta saling hormat menghormati.

>Penulis berkelulusan Sarjana Komunikasi Korporat adalah Ketua Bahagian Perancangan Korporat UPM